

# PERSEPSI AHLI POLITIK PULAU PINANG TERHADAP PERLAKSANAAN DASAR-DASAR ISLAM DI PULAU PINANG SELEPAS PRU 12

Zulkifli Bin Dahalan<sup>1</sup> and Mohd Hapiz Bin Mahaiyadin<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Center For Islamic Thought and Understanding, Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Pulau Pinang, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia  
<sup>1</sup>zuldah@ppinang.uitm.edu.my; <sup>2</sup>mohdhapiz659@ppinang.uitm.edu.my

## ABSTRACT

*After the 12<sup>th</sup> general election, Penang is ruled by the opposition party. The enormous win by DAP has enabled them to be in the lead in Penang. Unfortunately, the number of Malay candidates representing PAS and PKR did not achieve an encouraging win. Consequently, the number of Malay representatives in the EXCO has dropped significantly as compared to the one when GERAKAN, together with UMNO, was in the lead. It has become an issue especially when relating to matters regarding Islam in the politics of Penang. DAP has always been known to champion a specific race passionately and to be cynical towards any issues pertaining to Islam. Till now, the mass media have been playing their role to negatively slam DAP figures relating to Islamic matters. The matters have worsened when there are certain quarters that have voiced their worries about the undertakings of Islam and Malays. This study aims to illustrate the views of various party leaders, government agency leaders and religious leaders regarding the issue.*

**Keywords:** Penang Government; Islamic politics

## ABSTRAK

*Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri yang dikuasai oleh pembangkang selepas pilihanraya umum ke 12 lalu. Kemenangan besar DAP (Democratic Action Party) membolehkan mereka menjadi peneraju utama kepimpinan kerajaan negeri Pulau Pinang. Calon-calon berbangsa Melayu mewakili PAS (Parti Islam SeMalaysia) dan Keadilan (Parti Keadilan Rakyat) tidak mencapai kemenangan yang memberansangkan. Akibatnya jumlah penyertaan orang Melayu dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO) agak sedikit berbanding sebelum ini ketika UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) bersama menjadi parti pemerintah. Situasi ini menimbulkan beberapa persoalan khususnya membabitkan kedudukan Islam dalam politik Pulau Pinang. DAP seringkali dikaitkan sebagai parti yang agak kuat mempelopori perjuangan bangsa tertentu dan berpandangan agak sinis terhadap Islam. Sehingga selepas pilihanraya media massa terus menerus mengaitkan secara negatif tokoh-tokoh DAP berhubung dengan Islam. Ia*

*lebih merumitkan apabila kedengaran pihak yang begitu serius melahirkan kebimbangan berkaitan umat Islam dan Melayu. Penulisan ini bertujuan mengemukakan pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin politik di Pulau Pinang mewakili pelbagai parti (secara bersilang), ketua-ketua agensi kerajaan berkaitan Islam dan juga tokoh-tokoh agama terhadap isu berkaitan.*

**Kata kunci:** Kerajaan Pulau Pinang; politik umat Islam

## 1. PENDAHULUAN

Pulau Pinang dikenali demikian kerana banyaknya pokok pinang yang tumbuh subur di situ. Ketika abad ke 16, Pulau Pinang lebih dikenali dalam kalangan masyarakat Portugis sebagai "Pulo Pinaom". British pula memanggilnya dengan nama "Penang" dan dikenali juga sebagai "Island Of The Betelnut Trees". Pulau Pinang dahulunya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah sehingga Francis Light mengasaskan pengkalan perdagangan British untuk Syarikat India Timur di sini. Beliau mendarat dan menguasai pulau ini pada tahun 1786. Bagi merangsang penduduk membersihkan kawasan hutan paya, wang syiling telah ditabur ke hutan paya tersebut (Menyingkap Rahsia Jalan-Jalan Di George Town, Penang Heritage Trust). Pulau Pinang ditawarkan kepada Francis Light oleh Sultan Abdullah dari Kedah. Francis Light kemudian menamakannya "Prince Of Wales" sempena kelahiran putera "Prince Of Wales" di Britain (Little, 1986). Daerah Seberang Perai pula dinamakan sebagai "Province Wellesley" sempena nama Jeneral Wellesley yang telah mencadangkan agar daerah tersebut dibeli daripada Sultan Kedah (Arenawati, 1969).

## 2. KEPENDUDUKAN UMAT ISLAM DI PULAU PINANG

Bangsa Melayu yang beragama Islam adalah merupakan penduduk asal Pulau Pinang. Penempatan umat Islam di Pulau Pinang dikesan wujud sebelum kedatangan Francis Light lagi. Ketika pendaratan Francis Light di sekitar Julai 1786, beberapa kawasan tertentu telah didiami oleh orang-orang Melayu. Mereka bekerja sebagai nelayan, pedagang, pelebur timah dan ada juga yang menjadi lanun. Kenyataan ini diperkukuh lagi dengan laporan yang menyebutkan rombongan Inggeris telah bertemu dengan sekumpulan penduduk di sepanjang pantai dalam kawasan dikenali sebagai Datuk Keramat (Md. Salleh Md. Gaus, 1984). Terdapat juga pandangan lain menyatakan, Pulau Pinang telah diduduki sekumpulan orang Melayu sejak tahun 1705 lagi di kawasan tebing selatan Sungai Pinang (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1987).

Pulau Pinang mula dibanjiri penduduk daripada pelbagai kaum dan bangsa apabila Inggeris memajukannya sebagai sebuah pelabuhan bebas yang utama di Nusantara. Kebanyakan mereka datang untuk berdagang dan tidak kurang juga yang mencari penempatan baru. Kebanyakan penghijrah terdiri daripada orang Melayu yang datang dari Semenanjung Tanah Melayu, diikuti oleh orang-orang India, Cina dan sejumlah kecil orang-orang Arab, Inggeris, Jawa, Bugis dan lain-lain (Mills, 1966). Selain orang Melayu, masyarakat Islam Pulau Pinang terdiri daripada orang-orang India, Melayu yang dikenali sebagai Jawi Pekan dan sedikit orang-orang Cina. Mereka hidup dalam kelompok masing-masing mengikut kaum. Corak hidup secara terasing ini menyebabkan tidak wujudnya kesatuan antara mereka. Keadaan ini berlarutan dalam urusan agama apabila di antara mereka wujudnya guru agama masing-masing (Fadhlullah Jamil, 1994).

Bangsa Melayu merupakan penduduk asal di Pulau Pinang. Daripada segi peratusan, orang Melayu merupakan 42.5% daripada jumlah penduduk Pulau Pinang yang mencecah lebih 1.5 juta orang. Bilangan orang Melayu adalah seramai 558,216, kurang 52,538 daripada kaum Cina yang membentuk 46.5% penduduk Pulau Pinang. Di bahagian pulau, kebanyakan mereka tinggal di persisiran pantai Jelutong, Air Itam, Kampung Dodol, Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Telok Bahang dan persekitaran Daerah Barat Daya di Balik Pulau yang menjangkau Telok Kumbar, Batu Uban dan Sungai Ara. Sebahagian lagi tinggal di tanah besar iaitu Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) (Fadhlullah Jamil, 1994). Majoriti penduduk Pulau Pinang adalah berketurunan Cina, menguasai politik dan ekonomi Pulau Pinang. Sejarah telah menunjukkan kependudukan Pulau Pinang diisi oleh pelbagai bangsa setelah kedatangan penjajah.

Melalui kajian yang dijalankan, penduduk Islam di Pulau Pinang agak lewat menerima pentadbiran Islam secara tersusun berbanding dengan negeri-negeri lain. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hanya menjadi kenyataan setelah beberapa tahun negara mencapai kemerdekaan. MAINPP ditubuhkan pada 28 Julai 1960M bersamaan 4 Safar 1380H di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959 (sekarang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004). Sebelum penubuhan MAINPP, keputusan mengenai agama diputuskan sendiri oleh penduduk setempat. Setiap penempatan mempunyai tokoh-tokoh rujukan mereka sendiri. Jika berlaku pertelingkahan antara tokoh-tokoh tersebut, mereka akan membentuk kumpulan masing-masing. Keadaan menjadi bertambah rumit apabila pertelingkahan tersebut membawa mereka bertelingkah dalam urusan agama. Mereka tidak bersedia untuk bersama sehingga bertindak menubuhkan masjid masing-masing. Justeru wujudlah di beberapa kawasan berbilang masjid dalam kariah yang sama. Tiada tindakan berkesan dapat dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut kerana ketiadaan pihak berkuasa agama yang berwibawa dan diyakini penduduk (Zulkifli Dahalan, 2005).

### 3. DOMINASI DAP DALAM KERAJAAN NEGERI SELEPAS PRU 12

Sebagai sebuah negeri yang majoriti penduduknya kaum Cina, *Democratic Action Party* (DAP) melalui beberapa siri pilihanraya umum telah berusaha untuk menguasai pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beberapa siri projek Tanjunnya bagi menawan Pulau Pinang adalah bukti kesungguhan tersebut. Hasilnya Tun Dr Lim Chong Eu selaku Ketua Menteri ketika itu berjaya dikalahkan oleh Lim Kit Siang pada Projek Tanjung Dua DAP. Usaha DAP masih tidak membuahkan hasil yang memberangsangkan hinggalah pada PRU 12 lalu. DAP berjaya menang besar sehingga dapat membentuk kerajaan negeri melalui gabungan dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan juga Parti Islam SeMalaysia PAS yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR).

DAP bertanding di 19 kawasan Dewan Undangan Negeri daripada 40 kerusi dan memenangi kesemuanya. PKR memenangi 9 kerusi dan PAS hanya menang 1 kerusi. UMNO hanya mampu menang 11 kerusi yang kesemuanya adalah kawasan majoriti Melayu. Penguasaan DAP dalam pemerintahan Kerajaan Negeri sudah semestinya menimbulkan pelbagai persepsi terhadap Islam dan umatnya di Pulau Pinang. Sebagai parti yang sekian lama dikaitkan dengan orang-orang Cina, sudah tentulah sikap DAP terhadap permasalahan Islam dan umatnya diperhati dan dinilai. Kemenangan PKR juga tidak dapat dikatakan mewakili Melayu Islam kerana sifatnya sebagai parti berbilang bangsa dan sebahagian wakil rakyatnya bukan

berbangsa Melayu. Justeru, kedudukan umat Islam dalam pemerintahan DAP yang diterajui oleh kaum Cina menjadi isu yang dibincangkan sama ada ianya memberi impak positif ataupun negatif. Dalam konteks politik, persepsi ahli politik Islam dan pentadbir agama yang berkaitan dikira mampu menjawab persoalan ini. Sebelum itu, penulisan ini turut membuat sorotan terhadap pandangan ulama Islam terhadap kepimpinan bukan Islam ke atas umat Islam.

#### **4. ISU ORANG BUKAN ISLAM MENJADI PEMIMPIN MENURUT PERSPEKTIF FUQAHA**

Perlantikan orang bukan Islam dalam kerajaan merupakan suatu isu besar dibahaskan para fuqaha' disebabkan kaitan jawatan-jawatan kerajaan dengan masalah Islam dan umat Islam. Pada dasarnya ia diterima sebagai satu polisi kerajaan Islam yang tertakluk kepada masalah semasa dan beberapa pertimbangan politik yang difikirkan kerajaan. Jika dibandingkan dengan kerajaan tamadun asing pada waktu itu, polisi yang membenarkan etnik minoriti terlibat dalam pentadbiran kerajaan adalah amalan tidak popular. Golongan minoriti selalunya dianggap liabiliti kepada kerajaan etnik majoriti.

Fuqaha menetapkan Islam merupakan syarat utama bagi setiap jawatan mempunyai kuasa penuh (*wilāyah ʿammah*) dan jawatan berbentuk keagamaan. Justeru, *ahl al-zhimmah* atau warganegara bukan beragama Islam tidak boleh dilantik ke jawatan-jawatan seperti imam, khalifah, *wizārah al-Tafwīd* (istilah ini digunakan oleh Imam al-Mawardi di dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* dalam huraian tentang struktur pentadbiran negara Islam. Pada hari ini, kedudukan *wazir al-tafwidh* sama seperti portfolio Perdana Menteri), perundangan, kehakiman, ketenteraan dan beberapa jawatan-jawatan yang berbentuk keagamaan (*al-Manāsib al-Dīniyyah*) (Al-Juwaynī, 1950; Ibn Hazm, (1985); Al-Baghdādī, 1981; Al-Māwardī, t.t.).

Menurut majoriti fuqaha', orang bukan Islam boleh dilantik ke dalam kerajaan sebagai *Wazir al-Tanfīz* (Jawatan atau portfolio kerajaan yang mempunyai autoriti terhad dalam bidang kuasanya sahaja) atau sebarang jawatan selain daripada jawatan *Wilayah ʿAmmah*. Aliran ini terdiri daripada Imam al-Māwardī (Al-Māwardī, t.t.), Qādī Abū Yaʿlā, al-Kharqī (Abū Yaʿlā, 1924), dan beberapa tokoh pemikir Islam semasa seperti Yusof al-Qaradāwī (Al-Qaradāwī, 1983), Diyā al-Dīn al-Rays (Al-Rays, 1979). Antara ulama yang membenarkan pihak kerajaan menerima bantuan rakyat bukan Islam ialah Imam Ahmad bin Hanbal, al-Kharqī, al-Shāfiʿī (Al-Nawāwī, t.t.), al-Awzaʿī, Abū Hanīfah dan para sahabatnya serta golongan ʿItrah (Al-Syawkānī, 1993).

##### **4.1 Hujah daripada al-Quran dan Sunnah**

Aliran ini berhujah ayat-ayat al-Quran seperti ayat 28 dan 118 surah Al Imran yang melarang orang bukan Islam dilantik menjadi pemimpin hanya ditujukan kepada orang kafir *harbi* iaitu golongan yang menentang Islam. Ini berdasarkan sebab-sebab turun (*asbab al-nuzul*) ayat tersebut. Aplikasinya tidak terpakai ke atas orang kafir *dhimmi* yang sememangnya hidup dalam negara Islam dan tertakluk kepada semua polisi dan dasar kerajaan Islam.

Menurut Ridā (1993) larangan melantik orang kafir sebagai pemimpin tidak bersifat mutlak tetapi dibataskan dengan beberapa ciri yang menjadi sebab kepada larangannya. Terdapat empat ciri sebagai alasan pengharaman tersebut iaitu orang bukan Islam mempunyai hasrat

untuk menghancurkan Islam, suka melihat umat Islam sengsara, mempunyai perasaan benci dan hasad dengki mendalam terhadap umat Islam. Oleh itu, jika ciri-ciri tersebut tidak ada pada orang bukan Islam, mereka akan dikecualikan dari skop larangan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, kedudukan *Wazīr al-Tanfīz* bukan Islam tidak boleh diertikan sebagai “*bitanah*” (*Bitanah* ialah “orang dalam yang dipercayai”). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi “**orang dalam**” (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telahpun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya”

(Ali-Imran: 118)

Wazir tersebut bukanlah pemegang rahsia kerajaan yang mutlak sebaliknya menjadi pelaksana bagi pelan tindakan yang ditetapkan kerajaan. Terdapat banyak hadith menceritakan Rasulullah SAW pernah mengupah seorang lelaki kafir menjadi juru pandu jalan, menerima bantuan peralatan perang Safwan bin Umayyah, dan mengarahkan umat Islam membayar gaji kepada orang bukan Islam jika mereka diambil sebagai pekerja.

Imam Al-Bukhārī (1987) meriwayatkan dari Aishah R.A. berkata; Matannya berbunyi:

و استأجر النبي صلى الله عليه وسلم و ابو بكر رجلا من بني الدليل وهو على دين كفار قريش هاديا

“*Nabi s.a.w dan Abū Bakr pernah mengupah seorang lelaki dari Banī al-Dayl sebagai juru pandu jalan walhal dia beragama orang kafir Quraysh*”

(H.R Bukhari)

Riwayat Ibn Ishāq hadith yang mengisahkan bantuan material dari seorang kafir bernama Safwān bin Umaiyah kepada Rasulullah SAW. Matannya berbunyi :

وقد كان ذكر لرسول الله أن عند صفوان بن أمية ادراعا و أسلحة فأرسل اليه وهو يومئذ مشرك فطلب منه تلك  
الدرع و الأسلحة فقال أغضب يا محمد ؟ قال بل عارية مضمونة حتى نؤديها اليك فأعطاه مائة درع بما يكفيه من  
السلح

Sila rujuk Al-Bayhaqī (1994) (No.11257); Abū Daūd, (1988) (No.3562)

“*Rasulullah s.a.w mendapat berita bahawa Safwān bin Umaiyah mempunyai perisai dan senjata lalu Baginda .S.A.W. menghantar utusannya dan sewaktu itu beliau masih musyrik. Baginda S.A.W. meminta perisai dan senjata yang dimilikinya. Safwān bertanya : Apakah ini rampasan ?. Nabi S.A.W. menjawab : Ia hanyalah pinjaman yang dijamin. Safwān meminjamkan kepada Baginda seratus buah perisai di samping keperluan senjata yang mencukupi.*”

(H.R Abu Dawud dan al-Bayhaqi)

Al-Kharqī (Abū Yaʿlā, 1924) mengemukakan sebuah hadith di mana Nabi S.A.W. bersabda;

*“Tidak diberikan sedekah kepada orang kafir dan hamba melainkan jika mereka menjadi pekerja, maka mereka akan dibayar mengikut kadar kerja mereka.”*

Hadith-hadith tersebut merakamkan bahawa kepakaran orang bukan Islam telah dimanfaatkan Rasulullah S.A.W. secara bijaksana sehingga menguntungkan pihak Islam. Berhubung dengan perkhidmatan orang bukan Islam, mereka mempunyai hak mendapatkan gaji atau bayaran di atas kerja dilakukan. Ini bermakna pihak pemerintah boleh melantik mereka menjalankan tugas untuk negara seperti *wazīr al-Tanfīz* dan mereka juga berhak mendapat gaji di atas tugas mereka.

Selain itu, terdapat lagi dua hadith menjelaskan terdapat bukti yang menyatakan Rasulullah S.A.W. sendiri pernah menerima dan meminta bantuan orang bukan Islam. Kisah Qazman yang berperang bersama pasukan tentera Islam di mana dia berjaya membunuh seramai tiga orang pemimpin tentera musyrikin. Rasulullah S.A.W. yang menyaksikan kesungguhan beliau telah bersabda maksudnya ; Matannya berbunyi :

ان الله ليؤزر هذا الدين بالرجل الفاجر

Sila rujuk Al-Shawkānī (1993).

*“Sesungguhnya Allah menguatkan agama ini (Islam) dengan seorang lelaki yang jahat (fājir)”*

Riwayat imam al-Zuhrī yang menceritakan Nabi S.A.W. meminta pertolongan orang Yahudi Khaybar dalam suatu peperangan dan Baginda S.A.W. telah memberikan saham kepada mereka.

Apa yang pastinya penglibatan mereka bersama-sama dengan pasukan Islam dilihat sebagai suatu tindakan positif oleh pemimpin umat Islam sewaktu itu iaitu Rasulullah S.A.W. sendiri kerana dapat menjaga masalah agama, keselamatan nyawa dan harta umat Islam serta masyarakat Madinah daripada ancaman musuh.

## **5. ASAS-ASAS YANG MEMBENARKAN ORANG BUKAN ISLAM MENJADI PEMIMPIN**

Pada dasarnya, perlantikan orang bukan Islam (*dhimmi*) sebagai pemimpin di negara Islam tidak menyalahi kehendak nas syarak. Dalam konteks Malaysia, perlantikan tersebut boleh berlaku melalui proses pengundian pada pilihanraya umum di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan juga Dewan Rakyat (Parlimen). Seterusnya perlantikan sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dibuat di Dewan Rakyat manakala Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dipilih di DUN oleh parti memerintah.

Kenyataan ini merujuk kepada ayat-ayat yang menyentuh perkataan *awliyā'*, dikhususkan dalam konteks mengadakan kerjasama politik dengan bukan Islam sehingga menggadaikan kemaslahatan Islam. Perkataan *kafirīn* pula dimaksudkan sebagai kafir harbi. Hal ini

disebabkan nas-nas tersebut itu ditujukan khusus kepada orang kafir *harbi*. Sementara golongan *dhimmi*, kedudukan mereka telah dijelaskan oleh nas-nas lain yang menyatakan hukum sebaliknya seperti ayat 9 surah al-Mumtahanah.

Begitu juga dengan hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Isti'ānah bi al-Mushrikīn*, di mana faktor Baginda S.A.W. menolak beberapa bantuan mereka berdasarkan kemaslahatan yang wujud sewaktu itu dan ia bukanlah menjadi sesuatu tindakan yang bersifat dasar yang tidak boleh langsung diijtihadkan. Hal ini dibuktikan sendiri oleh beberapa hadith lain yang meriwayatkan Baginda S.A.W. pernah menerima bantuan orang bukan Islam seperti kisah Safwan bin Umayyah, Qazman dan Yahudi Khaybar dan lain-lain lagi.

Oleh itu ditegaskan bahawa penglibatan rakyat bukan Islam dalam kerajaan Islam tidak bercanggah dengan mana-mana nas syarak samada al-Quran dan Sunnah. Kepimpinan bukan Islam yang dibenarkan itu merupakan kepimpinan yang lahir hasil daripada kerjasama dan tolong menolong dengan masyarakat Islam untuk membangunkan negara. Kepimpinan yang menekankan semangat seperti di atas sememangnya dibenarkan Islam.

Namun polisi tersebut bukanlah diamalkan secara mutlak sebaliknya mengambilkira beberapa asas berikut :

- i- Perlantikan tersebut hendaklah berdasarkan *Maslahah 'Ammah* rakyat dan negara. Maslahah (keperluan) umum rakyat merangkumi segala tindakan kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan sosial, ekonomi dan politik rakyat. Dalam konteks ini, eksploitasi segala bentuk kepakaran golongan bukan Islam bagi tujuan pemantapan pentadbiran negara di dalam bidang-bidang yang diperlukan boleh dianggap suatu masalah. Hakikat ini dibuktikan melalui pengamalan Baginda S.A.W. dan para pemerintah Islam. Sejarah pemerintahan Islam membuktikan ramai di kalangan bukan Islam (*dhimmi*) telah dilantik sebagai *kātib* dan *wazīr al-tanfīz* kerana mereka memiliki beberapa kelebihan seperti kemahiran mengaudit, menulis, merekod dan mengemaskinikan dokumen-dokumen kerajaan serta pengalaman pentadbiran yang mereka kuasai sebelum itu. Abū Musā al-Ash'arī dan Mu'āwiyah mempunyai setiausaha (*kātib*) bukan Islam dan Athnadius pula telah dikekalkan jawatannya oleh 'Amr bin al-'As selepas beliau membuka Mesir. Kepakaran yang dieksploitasi tersebut merupakan *maslahah* bagi negara Islam. Penerimaan yang berasaskan elemen *maslahah* ini juga telah ditunjukkan oleh Baginda S.A.W. yang memanfaatkan kemahiran mengintip kekuatan musuh oleh seorang kafir berbangsa Quraysh. Walaupun begitu tidak dinafikan, oleh kerana disebabkan masalah juga Baginda S.A.W. telah menolak tawaran kerjasama daripada golongan *mushrikīn* dalam peperangannya seperti yang disebut dalam hadith riwayat 'A'ishah r.a.
- ii- Ia hendaklah menepati objektif syarak (*Maqāsid al-Syarī'ah*). Ia dibolehkan jika benar kepakaran pemimpin bukan Islam di bidang kewangan dan pentadbiran misalnya dapat membantu kerajaan menguruskan segala harta rakyat dan meningkatkan taraf kehidupan mereka dari segi politik, sosial dan pendidikan. Dalam soal ini, kepakaran tersebut memantapkan tugas kerajaan dalam menjamin keselamatan jiwa (*Hifz al-Nafs*) dan harta (*Hifz al-Māl*) rakyat.
- iii- Selaras dengan prinsip kebebasan, keadilan dan kesamaan Islam. Perbezaan agama bukanlah alasan untuk membenarkan pemerintahan Islam berlaku zalim ke atas

mereka. Menzalimi mereka dan mengetepikan hak-hak mereka adalah bertentangan dengan ruh keadilan Islam. Oleh itu, sebagai rakyat dalam negara Islam, orang bukan Islam berhak mendapatkan kebebasan untuk bersuara, bekerja, berorganisasi dan berpolitik mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh prinsip kebebasan Islam. Di antara hak kebebasan tersebut ialah hak untuk turut terlibat di dalam perkhidmatan kerajaan. Mereka boleh menjawat sebarang jawatan dalam pemerintahan Islam kecuali jawatan-jawatan tertentu dan terpenting contohnya jawatan khalifah dan wazir al-tafwid (Mohd. Hapiz Mahaiyadin, 2001).

- iv- Pertimbangan berdasarkan ijtihad politik semasa. Pelaksanaan polisi ini berdasarkan ijtihad khalifah atau pemimpin yang mengambilkira keperluan dan kemaslahatan politik sewaktu itu. Kerajaan-kerajaan yang sezaman dengan Islam seperti kerajaan Rom dan Parsi tidak pernah memberikan hak yang sama kepada rakyat mereka yang berbeza agama. Malah berlaku juga di negara-negara bukan Islam pada zaman moden ini yang mempunyai minoriti rakyatnya beragama Islam dengan melakukan penindasan dan diskriminasi terhadap minoriti Islam seperti yang berlaku di negara-negara Balkan dan USSR sebelum keruntuhannya.

Dengan asas-asas yang dikemukakan, dapat dinyatakan di sini bahawa perbezaan yang berlaku di antara *fuqaha* berhubung dengan isu ini sebenarnya tidak bertentangan di antara satu sama lain kerana perbezaan itu tidak menyentuh aspek dasar dan prinsip. Mereka hanyalah melihat sejauh manakah penglibatan bukan Islam itu dapat mencapai kemaslahatan umat Islam atau adakah ia suatu masalah.

## 6. SYARAT-SYARAT PENGLIBATAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM KERAJAAN

Selain daripada asas-asas seperti di atas, beberapa syarat lain perlu dipatuhi. Syarat-syarat itu amat penting sekali kerana proses ini berlaku dengan melibatkan dua pihak yang terbabit, iaitu kepimpinan Islam dan golongan bukan Islam. Ia juga melibatkan kepentingan politik umat Islam dan kerajaan apabila sesuatu jawatan itu diserahkan kepada bukan Islam. Sebahagian daripada syarat tersebut berkait dengan kepimpinan Islam dan sebahagian lagi khusus kepada individu bukan Islam itu sendiri.

Secara keseluruhannya penglibatan bukan Islam dalam kepimpinan negara Islam hendaklah tertakluk kepada dua syarat utama seperti berikut :

### ***6.1 Syarat Pertama: Penglibatan Bukan Islam Hendaklah Tidak Menggugat Kestabilan Sistem Pemerintahan Dan Terjamin Daripada Sebarang Ancaman***

Bagi menjamin kestabilan sistem politik dan kerajaan Islam maka calon ataupun individu bukan Islam yang dilantik sebagai pemimpin mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

- i- Memiliki kepakaran dan profesionalisme yang diperlukan. Asas syarat ialah tindakan Rasulullah S.A.W. melantik lelaki Bani al-Dayl sebagai pengintip Baginda kerana mempunyai kemahiran mengintip. dan sebab para khulafak Islam melantik *ahl al-dhimmah* menjadi *kātib* dan pegawai *kharaj*, kerana kepakaran mereka terutama di bidang penulisan dan kewangan.



- ii- Menunjukkan kesetiaan dan ketaatan kepada kerajaan. Ayat 75 surah Al °Imran dan ayat 8 surah al-Mumtahanah menjadikan sifat jujur dan amanah sebagai asas membenarkan umat Islam menaruh kepercayaan kepada bukan Islam dalam sebuah negara Islam kerana kehidupan sosial ini adalah hak milik bersama seluruh rakyat negara Islam.
- iii- Bersikap jujur dan amanah dalam menjalankan tugas. Al-Māwardī (t.t.) meletakkan faktor kejujuran sebagai salah satu kriteria utama selain faktor pengalaman dan kepakaran, untuk melantik mereka sebagai *Wazīr al-Tanfīz*. Ia sebagai satu standard yang digunakan untuk pengesahan jawatan sebagaimana syarat keislaman dikenakan ke atas pemimpin Islam.
- iv- Pemantauan kerajaan ke atas setiap tindakan mereka. Pemantauan ke atas tindakan mereka mesti dijalankan setiap masa. Jika ada di antara tindakan mereka yang menyusahkan masyarakat Islam, maka pihak kerajaan tidak boleh teragak-agak untuk mengambil tindakan. Fenomena ini telah berlaku pada zaman al-Mahdī, al-Rashīd, al-Ma'mūn, al-Mutawakkil dan sebagainya. Penglibatan bukan Islam di dalam jabatan-jabatan kerajaan telah dipantau (*muraqabah*) oleh pihak kerajaan dan golongan yang berpengaruh di kalangan masyarakat Islam seperti ulama. (Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila rujuk Ibn al-Qayyim, 1961) dan berwaspada daripada tindakan sabotaj. Bagi menjamin kestabilan kerajaan Islam, sebahagian *fuqaha* seperti golongan Shafi'i mensyaratkan jika perbuatan khianat dan pembelotan berlaku ia mestilah tidak menjejaskan kekuatan politik Islam. Dalam maksud lain, kerajaan Islam boleh wujud walaupun tanpa penglibatan mereka.

## 6.2 Syarat Kedua: Kepimpinan Utama Kerajaan Didominasi Umat Islam

Tujuan negara Islam ditegaskan adalah untuk melaksanakan segala ketentuan syariat Islam. Dalam menjalankan amanah serta kewajipan tersebut, kepimpinan Islam dipertanggungjawabkan dan diberikan peranan untuk menjamin segala kepentingan dan kedudukan umat Islam dalam negara Islam tidak terjejas. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, kepimpinan utama kerajaan mesti dikuasai umat Islam. Tindakan ini merupakan sesuatu yang selaras dengan objektif penubuhan negara Islam. Jika syarat ini tidak ditekankan, identiti kerajaan Islam sudah tentu hilang apabila ditadbir oleh majoriti pemimpinnya yang bukan Islam.

Jika dilihat kepada perbincangan fuqaha' mengenai hukum melantik dan syarat-syarat kepimpinan, prosedur dan tatacara pemilihan pemimpin, perlantikan dan perlucutan jawatan, tugas-tugas pemimpin terhadap Islam dan rakyat, sudah cukup untuk dirumuskan bahawa portfolio utama dalam kerajaan mestilah dimiliki umat Islam.

Oleh itu, ditegaskan bahawa perlantikan yang mencukupi syarat-syarat tersebut dibenarkan di dalam sebuah negara Islam yang diterajui oleh kepimpinan yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi ke arah *Hirasat al-Din wa Siyasat al-Dunya*. Seterusnya perjalanan polisi ini hanya dibenarkan jika ia berlaku dalam suasana yang terkawal (Mohd. Hapiz Mahaiyadin, 2001).

## 7. BIDANG TUGAS ORANG BUKAN ISLAM DALAM KERAJAAN ISLAM

Perlantikan mereka hanya dibolehkan ke dalam jawatan berbentuk *al-Wilayah al-Khassah* sahaja. Tidak pernah terjadi dalam sejarah tamadun Islam mereka pernah dilantik ke jawatan-jawatan *al-Wilayah al-<sup>c</sup>Ammah*. Kedua-dua kategori wilayah tersebut membentuk suatu pembayang (clue) kepada kita supaya dapat membezakan mana di antara jawatan-jawatan kepimpinan kerajaan pada hari ini boleh dikategorikan sebagai *al-Wilayah al-<sup>c</sup>Ammah* ataupun *al-Wilayah al-Khassah*.

Pada hari ini, sudah tentulah jawatan-jawatan seperti Raja, Presiden, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, dan kementerian-kementerian yang berkait dengan pelaksanaan undang-undang Islam, keselamatan dan kemaslahatan umat Islam serta yang strategik untuk kepentingan pada masa-masa akan datang bolehlah disifatkan mempunyai *al-Wilayah al-<sup>c</sup>Ammah*, mesti dikuasai pemimpin Islam. Jawatan-jawatan lain seperti kesihatan, kebudayaan dan pelancongan, sukan, kemasyarakatan, Setiausaha Kementerian, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik, Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan lain-lain yang tidak bersangkutan dengan pentadbiran hal ehwal Islam disifatkan sebagai *al-Wilayah al-Khassah*. Jadi dalam bidang seperti ini orang bukan Islam boleh dilantik.

Jika diteliti kembali tentang sejarah penglibatan orang bukan Islam dalam sejarah politik Islam, bidang perjawatan yang melibatkan orang-orang bukan Islam hanyalah berlaku di dalam urusan-urusan yang tidak berkaitan dengan unsur-unsur keagamaan seperti sektor pentadbiran, kewangan, pendidikan, perubatan, perusahaan dan perindustrian. Sementara portfolio utama yang membabitkan kestabilan negara dan menjamin ketinggian agama Islam masih dipegang para pemimpin beragama Islam (Mohd. Hapiz Mahaiyadin, 2001).

Perbincangan di atas bertujuan membuka ruang untuk kita melihat suasana politik Malaysia dalam konteks kepelbagaian kaum yang memainkannya. Kepelbagaian kaum ini sudah semestinya menuntut para ulama berijtihad agar berlakunya penyelarasan yang tidak menyalahi prinsip syarak. Suasana politik Malaysia khususnya di Pulau Pinang agak menarik untuk dibuat kajian lanjutan agar dapat dihasilkan satu fekah baru berwajah Malaysia. Perbincangan kitab fekah selama ini lebih menjurus kepada suasana Timur Tengah yang tidak dapat mewakili rupa bentuk politik Malaysia secara keseluruhannya. Permasalahan ini ditinggalkan agar dapat difikirkan secara lebih mendalam oleh para ulama.

## 8. KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Y. B. Tuan Lim Guan Eng selaku Ketua Menterinya. Beliau merupakan Setiausaha Agong DAP, berjaya memenangi kerusi Parlimen Bagan dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Puteh. Beliau juga adalah anak kepada Y. B. Lim Kit Siang, Penasihat DAP dan berkahwin dengan Y. B. Betty Chew Gek Cheng, salah seorang ADUN DAP di Negeri Melaka. Lim Guan Eng dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang setelah DAP berjaya memenangi kesemua 19 kerusi DUN yang ditandinginya.

Di awal pemerintahan, ucapan Lim Guan Eng sering menyebutkan tentang kekaguman terhadap Saidina Umar bin Abdul Aziz, salah seorang khalifah kerajaan Bani Umawiyah. Selain itu prinsip amar makruf dan nahi munkar turut diutarakannya termasuk sebagai moto dalam surat-surat rasmi kerajaan. Daripada sudut politik, kecenderungan yang dinyatakannya menimbulkan pelbagai persepsi khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Ada yang

melihatnya secara positif dan tidak kurang juga yang menanggapinya secara negatif. Lim Guan Eng dilihat cuba mewujudkan hubungan yang baik dengan pemimpin-pemimpin Melayu dalam PKR dan PAS. Perbincangan berikutnya adalah untuk melihat persepsi ahli-ahli politik Melayu mewakili pelbagai parti dan agensi Islam kerajaan dalam menilai penguasaan politik DAP di Pulau Pinang dan kesannya terhadap Islam.

## 9. PERSEPSI AHLI-AHLI POLITIK UMNO

Y. B. Datuk Arif Shah bin Hj. Omar Shah (15 Jun, 2009), ADUN Seberang Jaya berpendapat isu perkauman telah mewarnai suasana politik Pulau Pinang kini dengan Kerajaan Negeri tidak lagi memberi tumpuan berkhidmat untuk rakyat dan juga pembangunan. Rakyat khususnya kaum Cina telah diracuni oleh fahaman perkauman yang tinggi. Menurut pemerhatiannya, 75% kaum Cina dan India telah memberi sokongan kepada DAP. PAS gagal menjelmakan perjuangan Islamnya apabila berkompromi dengan DAP dan mentafsir agama mengikut suasana. Ia menimbulkan kekeliruan tentang Islam apabila kaum bukan Islam telah mengeksploitasi keadaan. Ayat-ayat al-Quran dan tokoh-tokoh Islam secara berani diungkapkan secara sewenang-wenangnya dalam ucapan mereka. Umat Islam pula terbahagi kepada yang menyokong dan yang menentangnya.

Perlaksanaan Islam walaupun tidak nampak sekatan oleh DAP namun ia dikendalikan secara “politik” oleh penyokong-penyokong PR. Program-program di masjid secara jelas menyerlahkan sokongan politik kepada parti-parti tertentu sehingga menimbulkan rasa kurang senang bagi yang tidak sependapat dengannya. Beliau pernah mendapat maklumat mengenai khatib yang berkhotbah Jumaat di salah sebuah masjid dalam DUN Penanti menerapkan unsur politik dalam khutbahnya. Dalam kes kegawatan politik di Perak umpamanya khatib tersebut secara jelas mengkritik institusi raja dan menampakkan kecenderungan sokongannya terhadap parti tertentu. Ia menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat sehingga terdapat yang memilih untuk ke masjid lain malahan tidak mengerjakan solat Jumaat di tempat mereka apabila terdapat khatib-khatib jempunan yang tidak dikenali.

Arif Shah turut berpandangan penggunaan sesuatu yang berkaitan dengan Islam termasuk penggunaan ayat-ayat al-Quran oleh pemimpin bukan Islam di Pulau Pinang adalah sesuatu yang tidak wajar. Kaum bukan Melayu hanya menggunakannya untuk menarik sokongan umat Islam dan bukan untuk menghayatinya. Mereka tahu terdapat kalangan bangsa Melayu yang boleh dipengaruhi apabila dikaitkan sesuatu tindakan dengan Islam. Pemimpin Melayu dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilihat naif dan penakut untuk menyatakan kebenaran. Kaum bukan Melayu banyak mendapat peluang daripada pertelagahan sesama pemimpin Melayu. Mereka bijak mengeksploitasi keadaan dengan mengambil kesempatan daripada perpecahan bangsa Melayu yang semakin meruncing sekarang.

Pandangan ini turut dikongsi oleh Dato’ Hj. Abu Bakar bin Yahaya (30 Jun, 2009), Pembantu Khas Kepada Tun Abdullah Hj. Abdullah bin Ahmad Badawi, Ahli Parlimen Kepala Batas. DAP gagal menyelami kehendak orang Melayu berbanding dengan pemerintahan BN sebelum ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon sebelum ini contohnya bersetuju untuk memindahkan pusat penternakan babi di Kampung Selamat, Kepala Batas ke tempat lain dengan pemilik tanah ternakan tersebut diberikan insentif tertentu. Ia tidak menjadi kenyataan apabila PR mengambilalih pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Perancangan untuk memindahkannya tidak dapat dilakukan.

Pusat ternakan babi tersebut terus beroperasi dan masyarakat sekitar khususnya orang Melayu tidak mampu untuk menyekatnya lagi.

Beliau juga memberikan pendapat yang sama berkenaan minat Lim Guan Eng terhadap Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Baginya ia merupakan satu usaha untuk mengambil hati orang Melayu yang terbukti menolak PR dalam PRU 12 lalu. Abu Bakar tidak menafikan tentang program-program yang dibuat Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat seperti janji menaikkan elaun KAFA di awal kemenangan dahulu. Namun elaun tersebut dikatakan tidak disalurkan lagi dengan alasan Kerajaan Negeri menghadapi masalah kewangan. Bantuan untuk warga emas juga suatu yang baik tetapi dilihat masih bersalut agenda kaum apabila didapati jumlah warga emas kaum Cina mengatasi kaum-kaum lain, Abu Bakar Yahaya (30 Jun, 2009).

PKR dan PAS dilihat tidak banyak membantu membangunkan masyarakat Islam walaupun mereka merupakan rakan kongsi DAP dalam pemerintahan negeri. PAS yang mewakili umat Islam lebih malang apabila tidak diberi ruang untuk bersama dalam Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO) walaupun memenangi kerusi DUN Permatang Pasir. PAS tiada ruang yang besar untuk menyerlahkan peranan mereka bagi membantu umat Islam Pulau Pinang. Ceramah-ceramah PAS masih kekal dengan isu lama tanpa menampakkan peranan mereka dalam Kerajaan Negeri. Keadaan ini agak berbeza ketika pemerintahan BN dahulu apabila MIC yang pernah memenangi satu kerusi diberikan peluang untuk menjadi EXCO Kerajaan Negeri. DAP tidak mengganggu kedudukan Islam ketika ini kerana kedudukan Islam adalah di bawah Kerajaan Persekutuan, bukan Kerajaan Negeri. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah terletak dalam bidang kuasa Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong. Ketika ini YDP MAINPP masih dipegang oleh Y. B. Shahbudin Yahya, ADUN BN Permatang Berangan.

Abu Bakar menyarankan umat Islam agar bersatu bagi mengukuhkan kekuasaan politik mereka sebagaimana kaum Cina berpakat sesama mereka dalam perkara-perkara yang membabitkan kepentingan kaum tersebut. Orang Melayu perlu memikirkan tentang peneguhan kuasa politik setelah mereka sekian lama tertinggal dalam bidang ekonomi. Semua parti dan ahli politik Melayu perlu bermuhasabah untuk melihat dan menilai peranan yang dapat dilakukan bagi membangun umat Islam khususnya bangsa Melayu di Pulau Pinang.

## **10. PERSEPSI AHLI-AHLI POLITIK MELAYU PKR**

Bagi Dr. Azahar Ahmad (28 Jun, 2009), bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan Pulau Pinang berpandangan DAP tetap kekal dengan semangat sosialisnya dan tidak banyak berusaha untuk membantu umat Islam malah mengambil kesempatan terhadap kelemahan orang Melayu. Kepimpinan DAP dilihat lebih suka kepimpinan Melayu dalam PKR lemah dan gagal memenangi kawasan Melayu bagi membolehkan mereka mendominasi politik Negeri Pulau Pinang. Apabila kepimpinan Melayu lemah, DAP tidak perlu untuk merujuk kepada PKR dalam sebarang keputusan yang hendak dilakukan. Situasi sekarang menampakkan DAP agak kuat dan menguasai pentadbiran Kerajaan Negeri. Pilihanraya Kecil Penanti yang diadakan secara jelas adalah antara usaha untuk menguatkan kekuasaan politik Melayu Pulau Pinang dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Timbalan Ketua Menteri yang diisi oleh PKR selama ini dilihat tidak mampu memainkan sepenuhnya peranan dalam Kerajaan Negeri.

Secara luaran, kepimpinan DAP Pulau Pinang cuba menampakkan sikap toleransi mereka terhadap umat Islam Pulau Pinang. Namun beberapa tindakan dan perancangan yang dilakukan menunjukkan sebaliknya bagi perkara-perkara yang Kerajaan Negeri berbidang kuasa. Bangunan Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang yang terletak di Batu Gantung, Pulau Pinang dicadangkan agar dipindahkan ke Daerah Seberang Perai dengan alasan umat Islam di tanah besar lebih ramai berbanding di pulau. Perpindahan ini menimbulkan sensitiviti tersendiri bagi umat Islam kerana pentadbiran Islam seumpama hendak dikeluarkan daripada kawasan pulau yang lebih strategik. Tanah kawasan pulau pula lebih tinggi nilainya berbanding tanah besar. Lim Guan Eng juga kekal memegang portfolio berpengaruh dalam pentadbiran seperti tanah. Beliau berpandangan portfolio tersebut sewajarnya dikendalikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Y. B. Tuan Mansor Othman daripada PKR.

Syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri (GLC), kebanyakannya diketuai oleh satu kaum sahaja yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. PKR turut tidak dirundingi dalam banyak perkara seperti perantikan Mokhtar Mohd Jait sebagai Yang DiPertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Mokhtar Mohd Jait pula dikenali sebagai seorang yang cukup bersimpati dengan UMNO. DAP seolah-olah sengaja ingin menimbulkan masalah dengan PKR. Pada Dr. Azahar, beliau melihat kepimpinan DAP lebih suka melihat umat Islam Pulau Pinang berbalah sesama sendiri. Gaya kepimpinan Lim Guan Eng memerintah Pulau Pinang semacam beliau sedang mengendalikan pentadbiran DAP dengan tidak merujuk rakan-rakan parti lain dalam membuat keputusan. Beliau bijak menggunakan ruang teknikal yang ada untuk membuat sesuatu tindakan. PKR dan PAS tidak pernah dipanggil untuk bersama membincangkan permasalahan pentadbiran Kerajaan Negeri termasuklah yang berkaitan dengan Islam. Justeru beliau melihat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon lebih bertoleransi dengan masyarakat Melayu Pulau Pinang berbanding Lim Guan Eng. Kepimpinan DAP Pulau Pinang yang lain juga dilihat “tidak mesra” dengan permasalahan umat Islam. Lim Guan Eng juga dengan alasan kewangan masih belum bersedia memperkenankan permintaan PKR untuk melantik Penyelaras DUN bagi setiap DUN yang PKR tewas. Perantikan tersebut diharapkan oleh PKR dapat membantu masyarakat di DUN yang mereka gagal pada PRU 12 lalu.

DAP bijak memainkan perasaan umat Islam apabila Lim Guan Eng sering mengungkapkan ingin mengikuti pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan penggunaan lain-lain istilah berkaitan Islam. Lim Guan Eng tidak dilihat jujur dan serius dalam hal ini. Lim Guan Eng contohnya tidak bersedia untuk hadir dalam majlis yang dibuat oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam bagi mengingati tokoh tersebut. Justeru slogan-slogan tersebut lebih dilihat sebagai gimik politik Lim Guan Eng untuk menarik perhatian masyarakat Islam Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri lebih memberi tumpuan terhadap masyarakat Cina berbanding Melayu sendiri. Kejayaan menarik pelabur asing yang sering dikaitkan sebagai kejayaan Lim Guan Eng menarik pelabur asing juga dilihat secara sinis apabila kebanyakan pelabur tersebut merupakan pelabur dari China, Hong Kong dan Taiwan. Kebimbangan juga dilahirkan apabila terdapat usaha untuk membuka cawangan sebuah universiti daripada China di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Y. B. Tan Tee Beng (PKR) selaku Ahli Parlimen kawasan tersebut berusaha keras untuk merealisasikannya. Ia dilihat sebagai usaha untuk menambahkan komposisi kaum Cina dalam kawasan parlimen Nibong Tebal yang beliau wakili dan contoh kesepakatan pemimpin-pemimpin politik kaum Cina walaupun berbeza parti politik.

Usaha menyatukan orang Melayu perlu dilakukan agar mereka tidak akan diperkotak-katikkan dalam kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) perlu dimanfaatkan untuk kebajikan umat Islam Pulau Pinang. MAINPP dapat dijadikan platform untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan Islam dan umatnya di Pulau Pinang. Daripada sudut politik juga, perubahan kepimpinan Kerajaan Negeri memberi impak positif kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Pemimpin UMNO di beberapa kawasan di Pulau Pinang telah dilihat membuat perubahan selepas BN tidak lagi menerajui Pulau Pinang. Mereka mula turun mendekati dan membantu masyarakat Melayu.

Bagi mengukuhkan kedudukan umat Islam di Pulau Pinang, mereka perlu disatukan tanpa mengira kepentingan politik. Situasi yang berlaku sekarang, politik orang Melayu lebih banyak merugikan mereka. Kaum Cina sebaliknya mampu bersatu walaupun berbeza pegangan politik dalam perkara-perkara yang membabitkan kepentingan kaum mereka. Mansor Othman selaku Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang memerlukan bantuan dan dokongan umat Islam Pulau Pinang bagi merealisasikan impiannya membantu kedudukan politik dan ekonomi mereka.

Persepsi Y. B. Abdul Malik Kassim (30 Jun, 2009) yang bertanggungjawab dalam urusan berkaitan Islam pula agak berbeza. Baginya istilah "Melayu terpinggir" sudah sinonim sejak sekian lama bagi menggambarkan orang Melayu Pulau Pinang hidup dalam kedaifan dan kemiskinan. Melayu tertinggal dalam banyak segi berbanding dengan kaum lain terutamanya Cina yang menjadi penduduk majoriti di negeri ini. Kerajaan PR menggunakan cara "*hit at the right point*". Jika permasalahan itu menjurus kepada orang Melayu, tidak semestinya ia menggunakan pendekatan popular, sebaliknya ia dilakukan secara "*direct*". Antara masalah orang Melayu di negeri ini adalah kemiskinan. Distribusi mengikut kaum menunjukkan 90 peratus keluarga miskin tegar terdiri daripada kaum Melayu; 5 peratus daripada kaum India; 4 peratus daripada kaum Cina dan 1 peratus terdiri daripada kaum-kaum lain. Dalam Program Pembasmian Kemiskinan Tegar, seramai 728 keluarga telah dikenalpasti mempunyai pendapatan di bawah RM500.00 sebulan yang mana mereka telah mendapat bantuan kewangan setiap bulan daripada kerajaan negeri dengan kerjasama pelbagai pihak bermula 26 Mac 2009.

Para peniaga kecil Melayu akan dibantu perniagaan mereka. Kerajaan akan mengkaji dan memastikan ekonomi orang Melayu terus berkembang dan tidak menguncup. Penubuhan Tabung Pembangunan Usahawan dan *Penang International Halal Hub (PIHH)*, adalah antara program membantu ekonomi orang Melayu melalui penglibatan pelbagai pihak, terutamanya Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang. Kedudukan umat Islam di negeri ini akan dipertahankan, bahkan ditingkatkan martabat mereka. Ini bukan sahaja menjadi objektif utama portfolio Hal Ehwal Agama, malah Ketua Menteri sendiri berhasrat menjadikan pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebagai contoh ikutannya. Ini terbukti, sebaik menerajui Pulau Pinang, kerajaan PR telah menaikkan elaun guru-guru Sekolah Agama Rakyat dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Maahad Tahfiz. Kerajaan Negeri mengiktiraf pencapaian para penghafaz al-Quran (huffaz) dengan memberikan mereka penganugerahan tahunan. Bajet untuk portfolio Hal Ehwal Agama telah ditingkatkan kepada lebih RM 9.9 juta pada tahun 2009 berbanding hanya RM7.5 juta pada tahun 2008.

Kesungguhan kerajaan negeri untuk mengangkat martabat Islam, telah dan sedang bermula. Antara langkahnya menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selesa kepada

kakitangan jabatan agama Islam yang dianggap golongan kelas kedua oleh kerajaan sebelum ini. Pejabat Jabatan Agama di bangunan “usang” dan sempit di Lebu Pantai akan dipindahkan di bangunan pentadbiran di Komtar dalam masa terdekat.

Sebaik sahaja keputusan pilihan raya umum ke-12 diketahui, segelintir kelompok Melayu mula Pulau Pinang membicarakan tentang terhakisnya kuasa Melayu. Mereka mula menyesal di atas sikap orang Melayu yang dituduhnya “marahkan nyamuk kelambu dibakar”. Bagi mereka, Melayu di luar BN, berkeadaan menang sorak kampung tergadai. Mereka menganggap Melayu yang menyokong PAS dan PKR sanggup bersekongkol dengan DAP bagi menghapuskan kuasa Melayu. Bagi Abdul Malik, mereka sebenarnya tidak tahu, Ketua Menteri Lim Guan Eng pernah berkata, “*I cannot rule this government without the Malays’ support*”. Ia membawa maksud pemimpin DAP memerlukan pemimpin Melayu yang baik dan kuat daripada PKR dan PAS serta sokongan kakitangan kerajaan yang majoritinya Melayu untuk membantu Lim Guan Eng mentadbir Kerajaan Negeri. Dalam kata lain, kepentingan Melayu dan Islam akan terus terpelihara melalui kesepakatan dan persefahaman pemimpin PR Pulau Pinang.

Abdul Malik juga menyebut terdapat kelompok Melayu UMNO yang berpandangan kesepakatan dan kerjasama antara PAS dan PKR bersama DAP itu dianggap sebagai menggadai kekuasaan Melayu. Baginya DAP sudah tidak lagi berupa sesuatu yang berbahaya kepada orang Melayu. Pada PRU ke-12, DAP tidak meletakkan ramai calon Melayu kerana ia sudah ada persefahaman dengan PKR dan PAS. Tugas meletakkan calon Melayu terletak pada PAS dan PKR. Masa berubah dan tuntutan perjuangan pun turut berubah. Selepas setahun kerajaan negeri PR melalui pimpinan Ketua Menteri dari DAP telah dan sedang berusaha membantu rakyat khususnya orang Melayu. Orang Melayu kini sedang menilai dan menanti impak besar yang bakal menguntungkan mereka.

Secara umumnya kedudukan Islam di negeri ini tidak tergugat atau terganggu di bawah pemerintahan PR. Bahkan, “perkembangannya” mendapat sokongan daripada pemerintahan sedia ada seperti usaha sokongan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat yang memperuntukkan tambahan RM1.5 juta kepada 18 buah sekolah. Kerajaan Negeri juga telah membantu masjid-masjid pada Ramadhan yang lepas dan tahun ini mengeluarkan peruntukan sebanyak RM213,000.00 sebagai bantuan kepada semua masjid iaitu 206 masjid di Pulau Pinang.

PKR adalah sebuah parti politik yang berjuang membentuk sebuah masyarakat yang adil dan negara yang demokratik, progresif dan bersatu-padu kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa ataupun agama. Mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan sambil menjamin hak bukan Islam untuk beragama dan berfikir, dan untuk meperkembangkan peranan agama dan nilai-nilai sejagat demi menegakkan kebenaran, keadilan, tatacara berakhlak, kemanusiaan dan kemuliaan insan.

PR dibina atas persefahaman, kesepakatan dan saling menghormati antara PAS, PKR dan DAP. Pendirian PAS untuk mendaulatkan Islam selari dengan pendirian PKR. Bahkan, saling turut menyemai rasa hormat untuk sistem Raja Berperlembagaan, memperkukuhkan Demokrasi Berparlimen dan menyokong hak dan kuasa rakyat, serentak dengan usaha berterusan untuk meningkatkan rangka politik negara sesuai dengan harapan dan kepentingan rakyat. Jika timbul sebarang masalah berbangkit berhubung soal agama Islam, kerajaan negeri

bersikap terbuka. Bersedia membuka pintu rundingan dan perbincangan kepada semua pihak selaras dengan prinsip Cepak, Akauntibiliti dan Telus yang diamalkan.

Kerajaan negeri meluluskan peruntukan Bajet 2009 berjumlah RM 9,932,660.00 berbanding Bajet 2008 berjumlah RM 7,548,580.00. Di mana pengurusan Masjid dan Surau diperuntukkan sebanyak RM 2.3 juta pada tahun 2009, berbanding RM 2.0 juta tahun sebelumnya manakala Pendidikan diperuntukkan sebanyak RM 796,480.00 pada tahun 2009, berbanding RM 638,940 pada tahun sebelumnya.

Mengakhiri pandangan, Abdul Malik menyarankan agar kedudukan orang Melayu sebagai kumpulan minoriti jangan sekali-kali dijadikan penghalang minda untuk mencapai kejayaan dan tidak semestinya meletakkan orang-orang Melayu merasa rendah diri atau merasa berada dalam kedudukan “disadvantaged”, kerana dalam era yang mengutamakan hak intelektual, pengetahuan, maklumat dan kemahiran adalah berperanan lebih penting berbanding dengan kuantiti. Melayu Pulau Pinang perlu keluar daripada kepompong minda. Berani bersaing dengan kaum lain, dan bukannya meniupkan api perkauman menyalahkan pihak lain atas kegagalan kaum sendiri.

## 11. PERSEPSI AHLI-AHLI POLITIK PAS

Hj. Mohd. Salleh Man (12 Jun, 2009), Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang menyebutkan bahawa hubungan PAS dengan DAP adalah tidak secara langsung. Ia dilakukan melalui parti PKR selaku rakan PAS dalam Pakatan Rakyat. Secara pentadbiran, PAS tidak mempunyai peranan langsung dalam kabinet Negeri Pulau Pinang walaupun ia memenangi 1 kerusi DUN Permatang Pasir dalam Parlimen Permatang Pauh. Wakil PAS hanya dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa negeri termasuk menganggotai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun dalam tempoh tersebut hubungan antara PAS dan DAP berjaya dipupuk.

Bagi Salleh Man, ada sedikit peningkatan dalam ruang dakwah Islamiah di Pulau Pinang selepas PRU 12 apabila masjid-masjid dan surau-surau dapat dimenafaatkan tanpa banyak gangguan. Ketika pemerintahan BN, PAS tidak dapat menggunakan kebanyakan masjid sebagai ruang untuk mereka menyampaikan dakwah. Aktiviti dakwah di masjid dijangka akan lebih luas sekiranya YDP MAINPP sedia ada diganti oleh calon Kerajaan Negeri. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum dilihat menekan atau menghalang kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan Islam di Pulau Pinang. Lim Guan Eng sendiri dilihat dekat dengan Islam apabila sering mengungkapkan istilah dan sesuatu yang ada kaitan dengan Islam. Salleh Man sendiri mengakui dirinya dan juga Muhammad Sabu (tokoh PAS Pusat) mempunyai hubungan yang rapat dengan Lim Guan Eng. Lim Guan Eng dikatakan kerap berbincang secara peribadi dengan Salleh Man bagi beberapa permasalahan yang timbul dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Lim Guan Eng dikatakan menerima baik beberapa saranan yang dikemukakan Salleh untuk kebajikan umat Islam Pulau Pinang. PAS turut diajak berbincang oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah sosial dalam kalangan belia.

Pendekatan Lim Guan Eng dilihat agak “mesra” dengan PAS dan aktiviti-aktiviti berkaitan Islam. Kepimpinan PAS Pulau Pinang ada kalanya dirujuk oleh Lim Guan Eng bagi permasalahan-permasalahan yang membabitkan umat Islam. Lim Guan Eng sering turun meraikan aktiviti-aktiviti berkaitan Islam seperti sambutan-sambutan hari kebesaran Islam dan memberi perhatian terhadap musibah yang menimpa umat Islam seperti turun padang bagi umpamanya kes kebakaran surau berdekatan Kepala Batas. Kerajaan Negeri telah



menyalurkan peruntukan untuk kebajikan umat Islam yang ada ketikanya lebih baik berbanding sebelumnya seperti menaikkan elaun guru-guru KAFA, mengambil inisiatif menubuhkan *Penang International Halal Hub (PIHH)* yang dipengerusikan oleh Y. B. Abdul Malik Kassim (Salleh Man menjadi salah seorang ahli jawatankuasanya), bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR), sumbangan untuk para *huffaz* dan lain-lain. Pemimpin-pemimpin DAP lain turut tidak terkecuali mengadakan hubungan dengan PAS bagi hal-hal yang berkaitan dengan umat Islam. Y. B. Lim Chong Eng, Ahli Parlimen Bukit Mertajam umpamanya telahpun merancang untuk memberi peruntukan dalam kawasanya sempena Ramadhan 1430H. PAS meminta untuk menguruskan peruntukan tersebut dan Lim Chong Eng akan dijemput bagi majlis-majlis yang diadakan.

Selaku wakil tunggal PAS dalam DUN Pulau Pinang (Permatang Pasir), Y. B. Mohd Hamdan Abdul Rahman (15 Jun, 2009) menyebutkan kesanggupan PAS bersepakat dengan Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk melaksanakan beberapa aspek berkaitan Islam dalam pentadbiran negeri Pulau Pinang. Dengan satu kerusi DUN yang dimenangi keupayaan PAS agak terhad berbanding dengan peranan yang sewajarnya dimainkan. Kerajaan Negeri juga dikatakan telah melaksana beberapa tindakan bagi membantu pembangunan Islam dan umatnya. Aktiviti-aktiviti keagamaan yang dijalankan tidak mendapat halangan Kerajaan Negeri malahan Lim Guan Eng pernah turut menghadirinya. Aktiviti-aktiviti seumpama ini sebelumnya sering mendapat halangan daripada UMNO.

PAS tidak menghadapi masalah dalam mengadakan hubungan dengan DAP. Walaupun hanya memenangi satu kerusi DUN, peranan PAS tidak diketepikan dalam Kerajaan Negeri. PAS akan berusaha menambah kemenangan dalam PRU akan datang bagi menambah kekuatan dalam pentadbiran Negeri Pulau Pinang. Hubungan PAS dengan DAP semakin lama menjadi semakin baik. Melalui hubungan yang dibina tersebut, PAS mengharapkan agar dapat melaksanakan banyak program bagi membantu umat Islam. DAP juga dilihat semakin menerima PAS dan pemimpinnya.

## 12. PERSEPSI JABATAN KERAJAAN

Kajian turut mendapatkan pandangan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan pembangunan umat Islam di Pulau Pinang. Mohd Hanif Omar@Wahab (12 Jun, 2009), Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang melihat situasi sedia ada tidak banyak berbeza dengan pemerintahan sebelumnya. Lim Guan Eng dilihat cuba mendekati diri dengan umat Islam seperti menghadiri majlis berbuka puasa Ramadhan bersama jamaah masjid yang dipilih yang turut disertai Exco bukan Islam lainnya. Lazimnya sebelum majlis tersebut beliau akan memberi ucapan dengan menyatakan penghormatannya terhadap Islam. Beliau turut mengiktiraf para *huffaz* seluruh Pulau Pinang dengan memberikan anugerah tertentu berbentuk tahunan. Kerajaan secara jelas belum menampakkan sekatan terhadap aktiviti-aktiviti Islam. Cumanya bagi projek pembangunan masjid, sehingga kini di bawah kerajaan baru belum ada kelulusan tanah-tanah baru untuk pembangunan masjid. Pihak Jabatan juga sedang menunggu kelulusan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih tanah bagi dijadikan tanah perkuburan muslim dalam kawasan Jelutong yang melibatkan tanah kaum Cina.

Usaha mendekati masyarakat Islam juga dilihat apabila Ketua Menteri sentiasa menghadiri majlis sambutan Maulid Rasulullah S.A.W peringkat Negeri Pulau Pinang. Beliau

menyertainya dengan turut berarak bersama-sama pembesar muslim yang lain dan mengikutinya sehingga majlis tamat. Situasi ini tidak dapat dilihat sebelum ini.

Mohamad Fuad Md Isa (8 Jun, 2009) menyebutkan bahawa pertukaran Kerajaan Negeri tidak memberi kesan terhadap jumlah pungutan zakat. Rekod daripada Jun 2008 hingga Jun 2009 menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak RM2 juta dalam pungutan zakat. Keadaan ini sebenarnya banyak dibantu oleh kempen-kempen yang dijalankan oleh Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang terhadap kakitangan-kakitangan kerajaan. Dalam beberapa keadaan PUZ bersikap hemah terhadap dua pihak berkaitan Islam di Pulau Pinang iaitu kehendak Kerajaan Negeri dan MAINPP yang masih dipegang oleh penyandang lama. Y. B. Abdul Malik selaku Exco Agama ketika dalam lawatan kerjanya menyarankan agar PUZ bersikap telus dalam pungutan dan pengagihan zakat. PUZ turut disaran agar melaksanakan urus tadbir berteraskan konsep CAT yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dan MAINPP secara jelasny tidak mengganggu PUZ dalam melaksanakan kerja-kerja yang telah dirancang.

### 13. PENUTUP

Kepimpinan bukan Islam ke atas umat Islam telah sekian lama menjadi topik perbahasan para ulama. Keharusannya adalah melihat sejauhmana kepemimpinan tersebut tidak mengganggu urusan umat Islam. Secara ringkasnya keharusan tersebut adalah terbuka namun dipenuhi syarat-syarat sebagai jaminan tidak terjejasnya kemaslahatan terhadap umat Islam. Perbincangan wajar diperdalamkan agar dapat disesuaikan dengan realiti umat Islam di Malaysia yang hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum. Namun pemerintahan DAP di Pulau Pinang wajar dilihat secara kritis dan akademik. Matlamat asasnya adalah untuk memastikan tiada penindasan dan ketidakadilan terhadap mana-mana kaum khususnya umat Islam.

Sebagaimana dijelaskan, jumlah bangsa Melayu hanya sedikit kurang di belakang kaum Cina. Nisbah tersebut sewajarnya juga turut dijelmakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Namun apa yang kita lihat proses tersebut tidak diterjemahkan oleh DAP yang mungkin mempunyai alasan tersendiri. Justeru, umat Islam Pulau Pinang tidak boleh meletakkan pengharapan kepada kepemimpinan bukan Islam untuk mengatasi permasalahan mereka. Umat Islam dan pemimpin politik mereka perlu bersatu sebagai usaha memperkukuhkan kedudukan Islam di negeri tersebut. Setiap pihak wajar berlapang dada terhadap isu-isu politik masing-masing dan berbincang bagi mencari titik pertemuan. Perbalahan politik biarlah diwacanakan secara rasional kerana menjaga kebajikan umat Islam adalah lebih menjadi keperluan. Keadaan tidak akan menjadi lebih baik jika setiap pihak bersikap mementingkan hala tuju parti masing-masing. Melalui pernyataan pemikiran dan tindakan sahajalah, nasib umat Islam di Pulau Pinang akan terpelihara.

### BAHAN RUJUKAN

Ahmad Ibrahim, & Ahilemah Joned. (1987). *The Malaysian Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abū Ya'ālā. (1924). *Al-Ahkām al-Sultāniyyah, t.hq. Muhammad Hāmid al-Fāqīy* (3rd ed.). Surabaya: Maktabah Ahmad Ibn Sa'ad Ibn Nubhān.

Al-Baghdādi, 'Abd. al-Qāhir. (1981). *Usuluddin* (2nd ed.). Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al- Bayhaqī. (1994). *Al-Sunan al-Kubrā. thq. Muhammad Abd. Al-Qādir Atā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Bukhari, Abi `AbdilLah Muhammad ibn Isma`il. (1987). *Sahih al-Bukhari* (Jil. 1). Bayrut: al-Maktabah al-`Asriyah.
- Al-Juwaynī, °Abd. Al-Malik. (1950). *al-Irsyād Fi Qawātic al-Adillah. t.hq. Dr. Muhammad Yusuf Musa*. Kaherah: Matba°ah al-Sacadah.
- Al-Māwardī, Abu al-Hasan Muhammad. (t.t). *Al-Ahkām al-Sultāniyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Al-Nawāwī, Muhy al-Din. (t.t). *Al-Majmū°* (Jil. XIX). Bayrut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradāwī, Yusuf. (1983). *Ghayr al-Muslimīn Fī al-Mujtama° al-Islāmī*. Beyrut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Rays, Muhammad Diyā` al-Dīn. (1979). *al-Nazāriyyat al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah* (6th ed.). al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.
- Al-Sajastānī, Abū Daūd. (1988). *Sunan Abī Daūd* (Jil. 2). Beirut: Dār al-Jayl.
- Al-Shawkānī, Muhammad. (1993). *Nayl al-Awthār, t.hq. °Isām al-Dīn al-Sobābuthī* (Jil. VII). Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Arenawati. (1969). *Sejarah tanah Melayu Dan Sekitarnya 1400-1967*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Fadhlullah Jamil. (Ed.). (1994). Sejarah Islam di Pulau Pinang: Islam Dan Masyarakat, *Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam di Pulau Pinang, 1, 78*.
- Ibn Hazm, Muhammad. (1985). *Al-Fasl Fi al-Mīlal Wa al-Nihal, t.hq. Dr. Mohd. Ibrahim Nasr*. Bayrut: Dār al-Jayl.
- Ibn al-Qayyim, Sham al-Dīn Abu °Abdullah Muhammad Abu Bakú. (1961). *Ahkām Ahl al-Dhimmah, t.hq. Subhī Sālih*. Dimashq: Matba°ah Jāmi°ah.
- Mills, L. A. (1966). *British Malaya 1824-67*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Little, P. (1986). *Penang Photographes*. Singapore: Times Editions.
- Md. Salleh Md. Gaus. (1984). *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Menyingkap Rahsia Jalan-Jalan Di George Town, Jejak Warisan Penang Heritage Trail. *Penang Heritage Trust*.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin. (2001). *Kepimpinan Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Syar`iyyah*. (Disertasi Sarjana Syariah). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ridā, Muhammad Rashīd. (1993). *Tafsir al-Manar* (Jil. IV). Dar al-Makrifat: Beirut.

Zulkifli Dahalan. (2005). “Masjid Batu Dan Masjid Papan, Kampung Pertama: Penjelaras Kemelut Masyarakat Setempat”. *ESTEEM Academic Journal UiTM Pulau Pinang*, 2, 92.